

**P.U. (A) 169.**

AKTA SETEM 1949  
PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (NO. 6 ) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 6) 2003**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2003.

**Tafsiran**

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain -

“harta kediaman” termasuk rumah, unit kondominium, pangsapuri dan rumah pangsa yang dibina sebagai suatu rumah kediaman;

“Pemaju perumahan” ertinya pemaju perumahan yang berlesen di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 [*Akta 118*];

“Badan berkanun” ertinya badan ditubuhkan di bawah undang-undang Negeri atau persekutuan;

“Koperasi” ertinya koperasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993 [*Akta 502*];

“Syarikat insurans” ertinya syarikat insurans yang berdaftar di bawah Akta Insurans 1996 [*Akta 553*].

**Pengecualian**

3. Surat cara yang berikut berhubung dengan pembelian harta kediaman yang berharga tidak melebihi RM180,000 seunit daripada pemaju perumahan atau badan berkanun atau koperasi bagi Perjanjian Jual Beli yang disempurnakan pada atau selepas 1 Jun 2003 tetapi tidak lewat daripada 31 Mei 2004 dikecualikan daripada duti setem:

- (a) semua surat cara Perjanjian Jual Beli harta kediaman yang disempurnakan antara pembeli dengan pemaju perumahan atau badan berkanun atau koperasi pada atau selepas 1 Jun 2003 tetapi tidak lewat daripada 31 Mei 2004;
- (b) semua surat cara yang menguatkuasakan pindah hakmilik harta kediaman itu daripada pemaju perumahan atau badan berkanun atau koperasi atau tuan punya tanah yang berdaftar kepada pembeli yang dinamakan dalam Perjanjian Jual Beli dalam perenggan (a);
- (c) semua surat cara dalam bentuk cagaran yang disempurnakan antara pembeli yang dinamakan dalam Perjanjian Jual Beli dalam perenggan (a) dengan suatu bank atau institusi kewangan atau syarikat insurans atau koperasi bagi mendapatkan pendahuluan wang untuk membiayai pembelian harta kediaman itu ; dan
- (d) semua surat cara dalam bentuk cagaran yang disempurnakan antara pembeli yang dinamakan dalam Perjanjian Jual Beli dalam perenggan (a) dengan majikan di bawah suatu skim pinjaman perumahan untuk pekerja bagi mendapatkan pendahuluan wang untuk membiayai pembelian harta kediaman itu.

Dibuat 29 Mei 2003

[Perb. CR(8.09)248/39/7-217(SJ.1); LHDN.01/34/42/68-180-1(12/03);  
PN(PU2)159/XXVIII]

DR. JAMALUDIN BIN MOHD JARJIS  
Menteri Kewangan Kedua